

MEMO BENDAHARI BIL 02/2021.

NO. RUJUKAN : UNISEL/PB/500/04/2021 (02)
TARIKH : 12 OKTOBER 2021
KEPADA : SEMUA STAF UNIVERSITI SELANGOR
DARIPADA : PEMANGKU BENDAHARI
PERKARA : **PENUTUPAN AKAUN BAGI TAHUN 2021**

Assalamualaikum wrt. wbt. & Salam Sejahtera,
Y.Bhg. Dato'/ Prof./Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

1.0 Tujuan

- 1.1 Memo ini bertujuan memaklumkan penutupan akaun bagi tahun 2021, Universiti Selangor (UNISEL).

2.0 Latar Belakang

- 2.1 Memo mengenai penutupan akaun ini dikeluarkan pada setiap tahun bagi menggariskan dengan terperinci tindakan yang perlu diambil oleh semua kakitangan Universiti termasuk penetapan tarikh penghantaran dokumen-dokumen kewangan yang berkaitan dengan proses penutupan akaun Universiti bagi tahun 2021.
- 2.2 Bagi menambahbaik kualiti penyediaan akaun Universiti bagi tahun 2021, Dekan dan Ketua Jabatan serta semua staf yang terlibat hendaklah memberi kerjasama dengan mematuhi tarikh penghantaran dokumen yang telah ditetapkan.

3.0 Perkara-Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian

- 3.1 Bagi semua **permohonan pembayaran, pendahuluan dan tuntutan (geran/program/aktiviti pelajar/panjar wang runcit/invois dan pelbagai)**, dokumen yang berkaitan hendaklah diserahkan **sebelum atau selewat-lewatnya pada 20 Disember 2021, jam 5.00 petang** bagi tujuan merekod perbelanjaan bagi tahun semasa.

- 3.2 Semua laporan pelarasan wang pendahuluan (pelbagai) yang diterima bagi tahun semasa perlu diserahkan ke Pejabat Bendahari **sebelum atau selewat-lewatnya pada 31 Disember 2021**. Tindakan pemotongan gaji bermula Januari 2022 akan dilaksanakan jika gagal terhadap pematuhan ini.
- 3.3 Setiap penerimaan barangan/kerja/perkhidmatan melalui Pesanan Pembelian (PO) daripada pihak pembekal/kontraktor hendaklah diakui penerimaannya dan **direkodkan di Sistem SPK (Perolehan – Pendaftaran Penerimaan Barang) sebelum atau selewat-lewatnya pada 31 Disember 2021**.

Segala pertanyaan berkenaan perkara ini boleh berhubung terus dengan Puan Zanariah binti Baba di talian 03-55223557.

Sekian, terima kasih.

"Peneraju Transformasi"

Yang menjalankan tugas,

SITI AISYAH BINTI OMAR C.A(M)

Pemangku Bendahari

Universiti Selangor